



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perak

VOLUME 2 (2) SEPTEMBER

2021

E S L A

INTERNATIONAL JOURNAL FOR  
EDUCATIONAL SCIENCE & LANGUAGE  
ARTS

LET'S PUBLISH WITH US!

SUBMIT TO  
eslaapb@gmail.com

VISIT US AT  
<https://perak.uitm.edu.my>  
or  
<https://eslauptmperak.wixsite.com/esla>

SUBMISSION DEADLINE

16 AUGUST 2021



## Table of Content

| <b>Title</b>  | <b>Page</b> |
|---|-------------|
| Persepsi Pelajar Mengenai Facebook dalam Mempelajari Kemahiran Bertutur Bahasa Arab<br><i>Students' Perceptions of Facebook in Learning Arabic Speaking Skill</i> | 1-10        |
| Challenges Faced by Undergraduate Students in Mandarin Language ODL during Movement Control Order Period  | 11-28       |
| Aplikasi Mudah Alih Pembelajaran Asas Bahasa Arab bagi Peringkat Sekolah Rendah   | 29-41       |
| Vocabulary Learning Strategies among University Science Islamic Malaysia (USIM) Mandarin Learner  | 42-58       |

## PERSEPSI PELAJAR MENGENAI *FACEBOOK* DALAM MEMPELAJARI KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB

*(Students' Perceptions of Facebook in Learning Arabic Speaking Skill)*

**Norazlin Syafiqah**<sup>1</sup> ([norazlin@gmail.com](mailto:norazlin@gmail.com))

**Nor Zahidah**<sup>1</sup> ([zahidahahmad@uitm.edu.my](mailto:zahidahahmad@uitm.edu.my))

**Hazrati**<sup>1</sup> ([hazrati87@uitm.edu.my](mailto:hazrati87@uitm.edu.my))

**Ibrahim**<sup>2</sup> ([ibrahimyosuff@gmail.com](mailto:ibrahimyosuff@gmail.com))

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Umum, Kolej Islam Assofa, Malaysia

### ABSTRACT

*Facebook is one of the popular social media web applications and has managed to attract a lot of attention in the recent times. Facebook has many facilities for students, for example, to communicate with friends around the world. In addition, it also has the potential to be used in teaching and learning. Therefore, the purpose of this study was to identify the extent of students' perceptions of facebook in learning Arabic speaking skills. The study design used was quantitative study. This study targetted respondents from semester 5 students majoring in Arabic at UiTM Shah Alam. A total of 40 students were selected as the study sample. Questionnaires were used as the research instruments to collect data. The data of this questionnaire were analysed using Statistical Package for the Social Science version 22.0 to obtain descriptive data. The results of the study found that students' perceptions of Facebook in learning speaking skills in Arabic showed positive responses from participants who used the account to improve their language skills. The implication of this study is expected to provide information to educators as an effort to improve both the teaching and learning of Arabic speaking skill.*

**Keyword:** Arabic, Facebook, Speaking Skills, Perception

### ABSTRAK

*'Facebook' merupakan salah satu aplikasi web media sosial yang popular dan telah berjaya menarik banyak perhatian kebelakangan ini. 'Facebook' mempunyai banyak kemudahan kepada pelajar antaranya adalah untuk berkomunikasi dengan rakan di seluruh dunia. Di samping itu, ia juga berpotensi*

*untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauhmana persepsi pelajar terhadap 'Facebook' dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kuantitatif. Kajian ini mensasarkan responden daripada kalangan pelajar semester 5 yang mengikuti jurusan bahasa Arab UiTM Shah Alam. Seramai 40 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian. Soal selidik digunakan sebagai alat instrumen kajian bagi pengumpulan data. Data soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian 'Statistic Package for the Social Science' versi 22.0 untuk mendapatkan data deskriptif. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap 'Facebook' dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab menunjukkan respons positif daripada peserta yang menggunakan akaun untuk meningkatkan kemahiran berbahasa mereka. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada para pendidik dalam usaha untuk menambak baik pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.*

**Kata kunci:** Bahasa Arab, Facebook, Kemahiran bertutur, Persepsi

## **PENDAHULUAN**

Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi agama Islam. Bahasa Arab juga merupakan bahasa Al-Quran yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad untuk memberi petunjuk kepada umat manusia (Adnan & Muhammad Firdaus, 2014). Dalam pengajaran bahasa, pada umumnya ada empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang penting dalam penguasaan sesuatu bahasa yang dipelajari dan ia juga merupakan elemen penting untuk menguasai kemahiran berbahasa Arab kerana ia adalah perantara yang paling berkesan bagi setiap individu untuk menyampaikan idea yang berbentuk lisan. Namun, kemampuan bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih lagi pada tahap yang mendukacitakan walaupun mereka pernah mempelajari Bahasa Arab semenjak di peringkat prasekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi (Abdul Wahab, 2014). Permasalahan dalam kemahiran bertutur Bahasa Arab yang berlaku adalah disebabkan beberapa faktor dan ini adalah hasil daripada kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana berkaitan dengan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Masalah-masalah yang dikenalpasti boleh dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu dari segi penguasaan kosa kata, tahap keyakinan pelajar dan pendekatan pengajaran oleh para pengajar.

Aspek yang pertama adalah disebabkan kekurangan kosa kata. Ia merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak berjaya bertutur dengan lancar dan ini akan menyebabkan mesej yang ingin disampaikan tidak jelas (Gan, 2012). Keadaan ini terbukti menerusi kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman dan Gazilah (2016) yang mendapati 84.5% pelajar peringkat menengah bersetuju bahawa kekurangan leksikal merupakan masalah utama yang menyebabkan mereka sukar untuk bertutur dalam Bahasa Arab dengan lancar dan 79.7% mengatakan bahawa mereka sering terlupa kosa kata yang bersesuaian ketika bertutur dalam Bahasa Arab. Antara masalah-masalah lain berkaitan kosa kata yang turut dihadapi dalam kalangan pelajar termasuklah penggunaan kosa kata yang kurang tepat dalam

pertuturan Bahasa Arab dan penggunaan kosa kata yang tidak diperlukan dalam pertuturan (Azani et al., 2012). Antara masalah yang paling ketara yang dihadapi oleh pelajar ketika bertutur secara lisan dalam bahasa Arab, adalah mereka seringkali tidak dapat mengujarkan satu-satu perkataan atau membuat ayat dengan betul dan gramatis seperti apa yang mereka ingin maksudkan kepada pendengar. Perkara ini berlaku apabila pelajar terlupa akan leksikal yang ingin diujarkan ataupun tidak mengetahui langsung perkataan tersebut dalam Bahasa Arab. Kesannya, pelajar ini merasa kecewa, kurang berkeyakinan, takut dan malu sekiranya mereka melakukan kesilapan semasa bertutur dalam bahasa sasaran tersebut iaitu Bahasa Arab. Oleh itu, jelas di sini bahawa kekurangan kosa kata merupakan salah satu penghalang kepada pelajar untuk menguasai kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab.

Di samping itu, terdapat perkara lain yang perlu diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji berkaitan dengan masalah kemahiran bertutur dalam bahasa asing, iaitu tahap keyakinan pelajar ketika hendak bertutur Bahasa Arab. Pada kebiasaannya, pelajar yang bermotivasi tinggi akan lebih berkeyakinan untuk bertutur dalam Bahasa Arab kerana mereka akan dapat menangani sebarang masalah sewaktu bertutur dengan pelbagai cara yang tersendiri. Keyakinan yang tinggi dapat membantu penutur untuk menyampaikan mesej dengan lancar. Keyakinan diri mampu dibina oleh pelajar dengan cara manghalakan pemikiran mereka ke arah yang lebih positif dengan meyakini kebolehan diri. Oleh yang demikian, kepercayaan kepada diri sendiri harus dititikberatkan dan tidak boleh diabaikan dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Arab. Pengabaian sifat keyakinan diri boleh menjejaskan kelancaran proses bertutur. Kajian Ghazali et.al., (2010) mengatakan bahawa terdapat sebahagian pelajar yang merasa malu dengan kelemahan diri dan mudah berputus asa akan menyebabkan mereka merasa rendah diri dan hilang keyakinan diri untuk bertutur dalam Bahasa Arab. Senario tersebut akan menyebabkan penggunaan Bahasa Arab ketika bertutur berada pada tahap yang rendah dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (Ab. Halim, 2009). Impak yang positif terhadap pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur Bahasa Arab akan muncul sekiranya terdapat unsur keyakinan yang tinggi dalam diri pelajar. Senario ini terbukti menerusi kajian dalam Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang mana pelajar yang percaya pada kebolehannya untuk bertutur akan lebih bermotivasi dan bersemangat untuk menzahirkan kebolehannya (Bouchareb, 2010).

Pemilihan pendekatan, strategi, kaedah, dan teknik pengajaran oleh para pendidik perlu sejajar dengan perkembangan dunia teknologi. Ini kerana integrasi penggunaan teknologi terbukti mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Arab serta meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), di samping turut meningkatkan prestasi dan produktiviti pelajar (Abdul Ghani et. al, 2019). Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi dilihat amat praktikal dalam memberangsangkan minat pelajar (Norfarizah & Mohd Zazril, 2017). Bahan bantu mengajar seperti media sosial dapat diaplikasikan dalam PdP. Antara media sosial yang sering digunakan dalam kalangan pelajar adalah *Facebook*. Hal ini terbukti menerusi (Statista.com, 2018) yang telah menyatakan pada suku pertama tahun 2017, pengguna *Facebook* mempunyai lebih dari 3 bilion pengguna di seluruh dunia (Statista, 2021) Ini kerana *Facebook* bukan sahaja digunakan semata-mata untuk tujuan sosial bahkan penggunaannya secara komprehensif dilihat mampu membentuk rangka pembelajaran yang lebih efektif. Kemudahan berinteraksi, akses maklumat, mudah digunakan, dan mudah berkongsi maklumat antara

kelebihan menjalankan sesi PdP (secara formal atau tidak formal) melalui *Facebook* (Hassan, 2014). Namun timbul persoalan disini, sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar mengenai *Facebook* sebagai salah satu medium yang digunakan untuk mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab.

### ***Objektif dan Persoalan kajian***

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar mengenai '*Facebook*' sebagai salah satu medium yang digunakan untuk mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab. Oleh itu, persoalan kajian ini ialah apakah tahap persepsi pelajar mengenai '*Facebook*' sebagai salah satu medium yang digunakan untuk mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### ***Penggunaan Facebook dalam Pendidikan***

Media sosial merupakan platform komunikasi atas talian yang digunakan secara meluas dalam masyarakat global pada masa kini dengan pelbagai tujuan tanpa had sempadan masa dan tempat. Ciri-ciri yang menarik seperti *user interface*, mudah akses dan aplikasi percuma menjadikan media sosial sebagai pilihan utama bagi para pengguna termasuk para pelajar dalam menjalankan tugas harian. Aplikasi seperti *Facebook*, Telegram, Whatsapp, Instagram dan Twitter dilihat mampu meningkatkan kemampuan pelajar dalam menguasai kemahiran bahasa asing termasuk juga Bahasa Arab. Madge et al. (2009) telah membuktikan bahawa penggunaan *Facebook* sebagai alat pengajaran bukan rasmi adalah efektif dan berkesan. Penggunaannya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dimanfaatkan oleh semua di samping penggunaan asasnya sebagai medium untuk bersosial bersama keluarga dan rakan. Tambahan lagi, pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dengan menggunakan *Facebook* merupakan praktis bahasa yang mampu membantu pelajar menjadi lebih terbuka dan terdedah dengan pembelajaran melalui teknologi. Pelajar juga turut dapat merasai suasana pembelajaran yang berbeza berbanding hanya menumpukan perhatian mereka terhadap buku sebagai satu-satunya sumber dan rujukan pembelajaran mereka.

Pelaksanaan PdP melalui *Facebook* merupakan medium alternatif bagi membina lanskap pembelajaran yang lebih interaktif. Pendekatan reka bentuk dan ciri-ciri *Facebook* yang dapat disesuaikan dengan pembelajaran seperti menggabungkan maklumat, sumber pembelajaran, kepakaran, dan juga konteks pembelajaran akan menjadikan proses perbincangan berlangsung dengan lebih mudah (Yusup, Mohd Said & Idris, 2015). Penggunaan media sosial terbukti memberi implikasi kepada semua golongan termasuk pelajar, ibu bapa, dan bidang pendidikan sendiri terutama dari aspek kesediaan guru atau pengajar mengaplikasikan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pemudahcaraan pada era digital ini. Penggunaan *Facebook* sebagai medium pemudah cara dilihat berkesan dalam meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar (Vendrick, Regina & Zamri, 2019). Di samping itu, hasil kajian yang dilakukan oleh (Sirivedin, P., et al., 2018) menunjukkan bahawa *Facebook* menjadi medium pembelajaran yang berkesan untuk pelajar

mencapai interaksi sosial yang lebih baik di antara mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### ***Facebook sebagai Medium Pembelajaran Kemahiran Berbahasa***

Oleh kerana *Facebook* kini masih merupakan laman rangkaian sosial terbesar (Smith & Anderson, 2018), *Facebook* juga telah menjadi alat yang popular, dan sering digunakan untuk tujuan pendidikan (Miron & Ravid, 2015). Penggunaan *Facebook* sebagai medium pembelajaran adalah salah satu potensi yang positif dalam pendidikan. Pembelajaran kemahiran berbahasa dapat dilaksanakan dengan mudah. Pelajar merasa gembira apabila mereka menggunakan kumpulan Facebook untuk tujuan pendidikan (Wang et al., 2012). Jenis aplikasi ini memungkinkan peralihan fokus dari pembelajaran berasaskan kandungan ke pembelajaran berasaskan proses (Lambic, 2016). Ia juga menjadikan peralihan daripada pembelajaran pasif ke aktif menjadi lebih mudah. Selain itu, pelajar boleh memanfaatkan penggunaan *Facebook* untuk tujuan pendidikan dengan pelbagai cara, termasuk mengenal pasti dan mencari bahan pembelajaran, membantu rakan dengan soalan, berhubung dengan orang lain, berkongsi nota kuliah dan belajar, menerima pemberitahuan mengenai kursus, dan meningkatkan interaksi dengan pelajar dan guru lain (Kitsantas et al., 2016). Tambahan pula, *Facebook* juga boleh membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dan ini terbukti melalui kajian yang dijalankan oleh (Regina & Zamri, 2019).

## **METODOLOGI**

Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian ini melibatkan 40 orang responden daripada kalangan pelajar semester 5 yang mengikuti jurusan Bahasa Arab UiTM Shah Alam. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang diadaptasi daripada (Nadwah & Nadhilah, 2014) dan pengubahsuaian dilakukan bagi memenuhi objektif kajian. Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A (maklumat demografi responden) dan Bahagian B (persepsi pelajar terhadap *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab). Item-item dalam bahagian tersebut menggunakan skala Likert 5 mata, iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Data soal selidik yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* versi 22.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan data demografi responden dan data persepsi pelajar terhadap *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab. Statistik deskriptif ini melibatkan analisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Skor purata min diinterpretasikan mengikut Mohd Majid (2000) bagi menentukan tahap nilai purata min persepsi pelajar terhadap *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab. Data-data yang telah dianalisis akan dibincangkan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual sebagai kesimpulan dapatan kajian.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Mengikut Tahap

| <b>Skor min</b> | <b>Tahap</b> |
|-----------------|--------------|
| 3.68 – 5.00     | Tinggi       |
| 2.34 – 3.67     | Sederhana    |
| 1.00 – 2.33     | Rendah       |

## DAPATAN KAJIAN

Data yang telah dikumpulkan dinalisis menggunakan analisis deskriptif. Analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan atau frekuensi dan peratusan digunakan bagi menjelaskan demografi responden. Seterusnya, min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti sejauhmana persepsi pelajar terhadap *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab.

### *Demografi Responden*

Berdasarkan Jadual 2, seramai 40 orang pelajar semester lima daripada telah mengambil bahagian dalam kajian ini yang terdiri daripada 12 orang pelajar lelaki (30%) dan 28 orang pelajar perempuan (70%). Daripada sudut pembahagian kumpulan pula, seramai 20 orang pelajar daripada kumpulan LG2425 A dan manakala 20 orang pelajar daripada kumpulan LG2425 B. Responden terdiri daripada pelajar semester lima yang mengikuti jurusan bahasa Arab UiTM Shah Alam. Daripada sudut penggunaan *Facebook* pula, majoriti semua responden (100%) menggunakan *Facebook* sebagai salah satu media sosial dalam kehidupan mereka.

Jadual 2 : Demografi Responden

| Demografi | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------|-----------|---------------|
| Jantina   |           |               |
| Lelaki    | 12        | 30%           |
| Perempuan | 28        | 70%           |

  

| Demografi | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------|-----------|---------------|
| Kumpulan  |           |               |
| LG2425 A  | 20        | 50%           |
| LG2425 B  | 20        | 50%           |

  

| Demografi                  | Kekerapan | Peratusan (%) |
|----------------------------|-----------|---------------|
| Penggunaan <i>Facebook</i> |           |               |
| Ya                         | 40        | 100%          |
| Tidak                      | 0         | 0%            |

### **Persepsi Pelajar terhadap *Facebook* dalam Mempelajari Kemahiran Bertutur Bahasa Arab**

Analisis deskriptif yang melibatkan min dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab. Perbincangan dapatan kajian dipaparkan daripada dua komponen iaitu daripada segi kelebihan dan juga sikap. Bagi tujuan memperoleh dapatan kajian, responden perlu menyatakan tahap persetujuan daripada '1- sangat tidak bersetuju', '2 – tidak bersetuju', '3 – tidak pasti', '4 – setuju' dan '5 – sangat setuju'. Terdapat empat pernyataan yang

dikemukakan pada komponen yang pertama iaitu kelebihan menggunakan *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab. Hasil kajian seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3 mendapati bahawa item yang mendapat nilai min yang paling tinggi adalah pernyataan '*Facebook* membantu saya untuk menambahkan kosa kata yang baharu' dengan nilai min sebanyak 4.43, diikuti dengan item '*Facebook* membantu saya untuk berkongsi kosa kata yang baru dengan rakan' dengan nilai min sebanyak 4.38, '*Facebook* membantu saya untuk menguasai kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab' dengan nilai min sebanyak 4.36, 'Saya melihat *Facebook* dapat membantu saya untuk bertutur Bahasa Arab dengan baik' dengan nilai min sebanyak 4.34. Jika dilihat, dapatan Jadual 3 memaparkan bahawa nilai min bagi setiap item kelebihan menggunakan *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab adalah tinggi dengan skor antara 4.43 hingga 4.34. Ini dapat disimpulkan bahawa *Facebook* boleh dijadikan sebagai salah satu medium pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab.

Jadual 3 : Kelebihan menggunakan *facebook* dalam Mempelajari Kemahiran Bertutur bahasa Arab

| <b>Pernyataan</b>   | <b>Min</b> |
|---|------------|
| <i>Facebook</i> membantu saya untuk menguasai kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab      | 4.36       |
| Saya melihat <i>Facebook</i> membantu saya untuk bertutur Bahasa Arab dengan baik       | 4.34       |
| Aplikasi <i>Facebook</i> membantu saya untuk berkongsi kosa kata yang baru dengan rakan | 4.38       |
| <i>Facebook</i> membantu saya untuk menambahkan kosa kata yang baharu                   | 4.43       |

Jadual 4 menunjukkan enam item bagi aspek sikap pelajar terhadap *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab. Dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan *Facebook* memberikan kesan yang positif kepada saya dalam pertuturan dengan skor min yang tertinggi iaitu 4.17. Namun begitu, skor min yang paling rendah pada tahap tinggi bagi aspek sikap ialah penglibatan pelajar-pelajar secara aktif dalam menggunakan *Facebook* bagi meningkatkan kemahiran bertutur dengan min 3.92. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar masih kurang menggunakan *Facebook* sebagai salah satu medium pembelajaran untuk menguasai kemahiran bertutur Bahasa Arab. Daripada analisis ini dirumuskan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai tahap sikap yang tinggi terhadap medium *Facebook* dalam mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Arab. Penggunaan *Facebook* secara positif oleh pelajar semasa proses pembelajaran diharapkan mampu untuk membantu pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Arab.

Jadual 4 : Sikap pelajar terhadap *Facebook* dalam Mempelajari Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

| <b>Pernyataan</b>  | <b>Min</b> |
|--|------------|
| Saya berkeyakinan diri untuk bercakap Bahasa Arab di hadapan orang ramai                               | 4.15       |
| Saya berani untuk bertutur Bahasa Arab di khalayak ramai   | 3.97       |
| Saya tidak malu untuk bertutur Bahasa Arab dengan menggunakan <i>Facebook</i>                          | 4.10       |
| <i>Facebook</i> dapat meningkatkan motivasi saya untuk bertutur dalam Bahasa Arab.                     | 4.08       |
| Pembelajaran menggunakan <i>Facebook</i> memberikan kesan yang positif kepada saya dalam pertuturan.   | 4.17       |
| Saya terlibat secara aktif dalam menggunakan <i>Facebook</i> bagi meningkatkan kemahiran bertutur saya | 3.92       |

## **KESIMPULAN**

Sejajar dengan perkembangan pesat dalam dunia teknologi pada masa kini. Pengintegrasian media sosial dalam dunia pendidikan boleh dianggap sebagai satu pendekatan pengajaran yang dapat menyumbang kepada perkembangan positif dalam penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab. *Facebook* merupakan salah satu media sosial yang membolehkan para pendidik meningkatkan mutu dalam proses PdP. Di samping dapat menarik minat pelajar untuk menjadi lebih aktif dan bersemangat. Justeru, dapatan kajian ini didapati positif hasil daripada persepsi pelajar terhadap penggunaan *Facebook* dalam pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab. Justeru itu, penggunaan *Facebook* dalam proses PdP adalah sesuai diterapkan dalam dunia pendidikan hari ini bagi melahirkan generasi celik teknologi dan berpengetahuan. Oleh itu, diharapkan dapatan ini dapat mencetuskan buah fikiran yang berfaedah ketika menjalankan PdP kemahiran bertutur Bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani, M. T., Wan Daud, W. A. A. & Jaffar, M. N. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1),84-94.
- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1,1–14.
- Abdul Rahman Abdullah dan Gazilah Mohd. Isa. (2016). Prosiding IConTALL 2016 Seminar Antarabangsa. *Pengajaran Bahasa Arab dan Sastera Arab kepada Penutur bukan Arab*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia. 212-218.
- Adnan & Muhammad Firdaus. (2014). *Kekangan Bertutur Dalam Bahasa Arab dikalangan Pelajar Basl*. International Research Management and Innovation Conference: Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Al Muhsin, M. A., Ahmad, N. Z., Sarudin, A., Muhammad, M., Othman, Z., Makki, S., Kassymova, G. K. (2020). The Implementation of SCL in Teaching Arabic for Islamic Finance: A Dynamic Approach in Preparing For Education 4.0. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(9), 279-290.
- Ali, S. R. (2019). Aktiviti Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc) Melalui Kaedah *Pembelajaran Koperatif*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. UPSI Press Mall.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat dan Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*.12(1), 325-337.
- Chew Fong Peng, Abdul Jalil Othman. (2008). Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia. *Sosiohumanika*, 1(1), 167-192.
- Distribution of Facebook Users Worldwide as of January 2017, by Age and Gender. (2017). Retrieved from <https://www.statista.com/statistics/376128/facebook-global-user-age-distribution>
- Gan, Z. (2012). Understanding L2 Speaking problems: Implications for ESL Curriculum Development in a Teacher Training Institution in Hong Kong. *Australian Journal of Teacher Education*, 37, 43-59.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal*

*of Language Studies*. 10(3), 15- 33

- Lin, S., Winaitham, W. & Saitakham, K., (2008). The Use of Websites for Practicing Listening Skills of Undergraduate Students. A Case Study at Suranaree University of Technology, Thailand. Online Submission.
- Madge, C., Meek, J., Wellens, J., & Hooley, T. (2009). Facebook, social integration and informal learning at university: 'It is more for socializing and talking to friends about work than for actually doing work'. *Learning, Media and Technology*, 34(2), 141-155.
- Miron, E., & Ravid, G. (2015). Facebook groups as an academic teaching aid: Case study and recommendations for educators. *Journal of Educational Technology & Society*, 18(4), 371-384.
- Norfarizah & Mohd Zazril. (2017). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Papan Pelbagai Sentuh untuk Pembelajaran Sains Tahun Tiga. *Malaysian Journal of Creative Media, Design and Technology*. Vol.1(6),
- Rosyidi, A. (2014). Peningkatan Kualitas Pengajar bahasa Arab Sebagai Upaya Meningkatkan Standar Mutu Pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 2(3), 195-210. Retrieved from <https://journal.scadindependent.org/index.php/jipeuradeun/article/view/49>
- Smith, A., & Anderson, M. (2018). Social Media Use in 2018. Pew Internet Project. Retrieved from: <http://www.pewinternet.org/2018/03/01/social-media-use-in-2018/>
- Sirivedin, P., et al., Effects of Facebook usage on English learning behavior of Thai English teachers, *Kasetsart Journal of Social Sciences* (2018), <https://doi.org/10.1016/j.kjss.2018.03.007>
- Statista, 2021. Numer of monthly active Facebook users worldwide as of 1st quarter 2021 in millions. Retrieved from [statista.com: https://www.statista.com/statistics/264810/numer-of-monthly-active-facebook-sers-worldwide](https://www.statista.com/statistics/264810/numer-of-monthly-active-facebook-sers-worldwide) (accessed August 23, 2021).
- Vendrick, Regina Simba & Mahamod, Zamri (2019) *Facebook sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis ayat gramatis dalam kalangan murid lemah Bahasa Melayu. : Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia, 275-285.
- Yusup, J., Mohd Said, M. N. H., & Idris, A.R. (2015). Keboleh-mampuan Facebook dalam Pembelajaran: Eksplorasi Terhadap Penggunaan dan Interaksi. *Kajian Penerimaan dan Penggunaan Teknologi dalam P&P*. 65.
- Wang, J.H., Quek, C., Yang, Y., Liu, M. 2012. Using the Facebook group as a Learning Management System: An Exploratory study. *British Journal of Educational Technology*, 43, 428–438.